

04/06/1999

Malaysia desak mansuh kuasa veto

TOKYO, Khamis - Malaysia mengulangi gesaannya supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memansuhkan kuasa veto anggota tetap Majlis Keselamatan badan dunia itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata idea penubuhan majlis berkenaan memang baik untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat antarabangsa.

Bagaimanapun, katanya, majlis itu tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana lima anggota tetapnya - Amerika Syarikat, Russia, Britain, China dan Perancis, mempunyai keistimewaan untuk membatalkan sebarang keputusan dibuat.

"Ini tidak adil kerana sebuah negara boleh mengetepikan keputusan yang dibuat secara majoriti, sedangkan negara berkenaan sering bercakap mengenai demokrasi tetapi tidak mengamalkannya," katanya pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan pada persidangan antarabangsa mengenai masa depan Asia, di sini hari ini.

Pada sesi itu, Perdana Menteri juga diminta mengulas berhubung saranannya supaya Jepun turut diberi tempat sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan PBB.

Saranan itu dikemukakannya dalam buku karya terbarunya, A New Deal For Asia. Versi bahasa Jepun yang diterbitkan Tachibana Publishing Inc, dilancarkan Dr Mahathir, pagi ini.

Dalam ucapan ringkas pada majlis pelancaran buku itu, Perdana Menteri berkata karya berkenaan dihasilkan berdasarkan ucapan dan kertas kerjanya pada masa lalu.

Menurut Dr Mahathir, menerusi buku itu beliau cuba memberi gambaran mengenai peranan yang boleh dimainkan Asia dalam mencorakkan masa depan dunia.

Bagaimanapun, katanya, jika Jepun mahu menduduki kerusi tetap Majlis Keselamatan PBB, ia mestilah bersedia untuk berperanan aktif seperti menghantar pasukan pengaman.

Mengenai hubungan Amerika, China dan Jepun yang ditimbulkan seorang peserta persidangan berkenaan, Dr Mahathir berkata Malaysia berharap tiga kuasa besar itu dapat melupakan pergeseran pada masa lalu dan sebaliknya berusaha mengadakan kerjasama.

Pada masa ini, katanya, Amerika dan Jepun mempunyai kerjasama erat tetapi kedua-dua negara itu sering berbalah dengan China.

"Semua negara seharusnya mengelak menimbulkan isu remeh supaya dapat memberi tumpuan terhadap persoalan yang lebih besar, terutama berkaitan masa depan dunia," kata Dr Mahathir yang akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur esok selepas mengadakan lawatan kerja seminggu ke Jepun.

(END)